

NO. SOALAN: 37

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN GOBIND SINGH DEO [PUCHONG]

TARIKH : 19 MEI 2016

RUJUKAN : 8999

PERTANYAAN:

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan merujuk kepada kematian bekas peninju kebangsaan G. Ramkumar di Penjara Sungai Buloh pada 16 April 2016 dan meminta Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak penjara untuk memastikan keselamatan banduan-banduan di penjara.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Penjara mempunyai *Standard Prosedur Kerja* atau *Perintah Tetap Komisioner Jeneral Penjara* yang bertujuan menjelaskan serta melaksanakan pengurusan seseorang banduan, termasuklah keselamatan seseorang banduan.

Keselamatan banduan sememangnya merupakan tanggungjawab utama Jabatan Penjara Malaysia. Oleh itu, langkah-langkah kawalan, pemeriksaan, pengasingan penempatan, ujian psikologi, risikan maklumat, pemantauan rapi serta kemudahan kesihatan sentiasa dilakukan bagi menjamin keselamatan seseorang banduan daripada terancam.

Dari masa ke semasa, Jabatan Penjara sentiasa memberikan peringatan kepada semua kakitangan penjara agar tahap kawalan keselamatan dan SOP sentiasa dipatuhi untuk mengelakkan daripada berlakunya sebarang insiden yang tidak diingini.

Selain itu, Kementerian Dalam Negeri juga memandang serius terhadap kes yang telah berlaku malah, siasatan yang rapi sedang dijalankan oleh pihak PDRM dan Jabatan Penjara.